

# Ramadan bulan penuh keinsafan

11/25.07.2012 B3



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton mohamad@yahoo.com

**S**YUKUR Alhamdulillah kerana kita masih lagi diberikan peluang untuk membuat investment pahala yang lebih pada bulan Ramadan. Salam Ramadan diucapkan untuk semua pembaca. Sesungguhnya Ramadan merupakan satu bulan yang mulia dan penuh dengan keberkatan. Kelebihan bulan Ramadan dan berpuasa yang sepatutnya dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Keistimewaan Ramadan tidak sepatutnya dibiarkan berlalu sahaja, bahkan perlu dilipat gandakan amal ibadat serta usaha kearah kebaikan agar ianya diterima oleh Allah. Pada bulan ini dibuka pintu syurga dan ditutup pintu neraka dan dibelenggu semua syaitan.

Walau bagaimanapun pada kali ini suasana berpuasa dikampus agak sunyi daripada gelak tawa mahasiswa kerana cuti semester. Namun yang tinggal hanya beberapa sekolah yang menyediakan dan menawarkan semester pendek dan juga sudah tentu pelajar-pelajar perubatan yang begitu komited dengan pengajian mereka. Selain daripada itu ada juga pelajar-pelajar Program Asasi Sains. Namun kehadiran mereka di kampus tidak dapat memberikan impak yang ceria kerana persekitaran kampus yang luas.

Sepanjang bulan ini pelbagai aktiviti telah disusun dan diatur untuk memberikan semangat Ramadan dirasai oleh semua manusia, bukan sahaja umat Nabi Muhammad SAW namun umat-umat yang lain juga sama-sama menyambutnya. Perbezaan pegangan agama bukan penghalang untuk sama-sama menghadiri majlis-majlis berbuka puasa yang dianjurkan oleh individu persendirian mahupun jabatan. Ini disebabkan keunikan bulan Ramadan ini amat memberi makna sekiranya setiap umat manusia dapat menjaga adab-adab dalam percakapan, tuturkata, pergaulan dan sebagainya. Ini disebabkan pada bulan ini kita hanya melawan hawa nafsu sendiri bukan lagi dipengaruhi oleh godaan syaitan dan iblis kerana pada bulan ini semua syaitan dan iblis yang sering menghasut manusia untuk perkara keburukan sudah dirantai dan dihumban ke dalam neraka.

Justeru itu pada bulan ini semua roh-roh dibebaskan daripada sebarang seksaan. Keadaan tersebut amat memberi kesan kepada jiwa-jiwa manusia yang taat kepada perintah Allah. Mengikut sepotong hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Shahih al-Bukhari, Kitab al-Iman no: 38 Rasulullah s.a.w bersabda "Barangsiapa yang berpuasa pada bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala daripada Allah, dosanya yang telah lalu telah diampuni dan sepotong hadis yang lain juga turut memberikan penjelasan bahawa "(Allah s.w.t berfirman): Sesungguhnya dia (hamba) meninggalkan makan dan minum serta syahwatnya kerana-Ku. Puasa (yang dia kerjakan adalah) kerana-Ku. Puasa adalah untuk-Ku. Sedangkan, Aku memberi balasan setiap kebaikan itu dengan sepuluh kali ganda sehingga 700 kali ganda kecuali ibadah puasa. Ini kerana, ia (puasa) adalah untuk-Ku dan (sudah tentu) Aku sendiri yang akan memberi balasannya (Diriwayatkan oleh Imam Malik dalam al-Muwaththa', Kitab al-Shiyam - no: 603)

Lantaran itu marilah kita semua bersama-sama mengimarahkan bulan ini dengan berbuat amalan yang baik. Sesungguhnya kehidupan manusia di dunia ini hanyalah sementara dan kehidupan yang abadi juga perlu dititikberatkan oleh semua insan.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah